



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **PROGRAM**

**SESI DISKUSI KHAS KASIH WANITA: EKONOMI MADANI MEMPERKASA WANITA**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**HOTEL ROYALE CHULAN,  
29 OGOS 2023 (SELASA)  
2.45 PETANG – 5.00 PETANG**

(A) **PENDAHULUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam Sesi Diskusi Khas KASIH Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita yang diadakan pada petang ini.

2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** di atas kesudian Yang Amat Berbahagia Dato' Seri untuk merasmikan Sesi Diskusi Khas KASIH Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita pada petang ini.

3. Sememangnya kita semua sangat beruntung pada hari ini dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Dato' Seri yang bukan sahaja merupakan Isteri kepada Perdana Menteri, tetapi juga merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

4. Di samping itu, ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada:

(i) Yang Berhormat Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib,  
Timbalan Menteri Ekonomi;

(ii) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Binti  
Musa, Ahli Dewan Negara; Dan

Di atas kesudian Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk menjadi panel bagi sesi diskusi kita pada petang ini.

**(B) SASARAN MENINGKATKAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH WANITA KEPADA 60 PERATUS DI BAWAH EKONOMI MADANI**

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

5. Seperti yang kita semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan **Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat** pada 27 Julai 2023 yang lalu telah menggariskan salah satu daripada tujuh penanda

aras yang mahu dicapai di bawah Ekonomi Madani adalah untuk **meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus dalam tempoh kurang sepuluh tahun dari sekarang.**

6. Dalam mencapai sasaran 60 peratus kadar penyertaan tenaga buruh wanita, Kerajaan akan melaksanakan dasar yang menyokong peningkatan upah berbanding KDNK kepada tahap 45 peratus selaras dengan tahap negara yang lebih maju.



7. Ini bermakna, Kerajaan bukan sekadar hendak wanita berada dalam pasaran buruh, malah mendapat kuasa beli yang lebih tinggi berbanding masa ini.
  
8. Selain daripada itu, Kerajaan menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) turut membincangkan mengenai cadangan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP) yang bersifat secara sukarela. Cadangan DGP ini dilihat sebagai satu perubahan positif supaya gaji pekerja dapat ditingkatkan dengan lebih konsisten dan pengagihan gaji lebih seimbang.

9. Umum mengetahui bahawa kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah masih rendah iaitu pada kadar 56.3 peratus berbanding lelaki iaitu pada kadar 82.9 peratus bagi tempoh suku tahun kedua 2023 berdasarkan Laporan Statistik Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
  
10. Ini bermakna kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah jauh lebih rendah berbanding lelaki di Malaysia.

Malah, bila dibandingkan dengan negara-negara ASEAN, Malaysia juga menunjukkan kadar yang amat rendah.

11. Ini merupakan satu pembaziran sumber tenaga buruh, lebih-lebih lagi, wanita Malaysia rata-rata memperoleh tahap pendidikan yang lebih tinggi dan mengatasi kaum lelaki dalam kadar enrolmen kasar peringkat pendidikan rendah, menengah dan tertiar seperti yang dilaporkan dalam **Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI)**.

12. Bagi meningkatkan peluang dan penyertaan wanita di dalam ekonomi, fokus utama KPWKM akan diberikan kepada tiga (3) fokus utama iaitu:

- (i) **Penambahbaikan dasar dan undang-undang** seperti menambah baik Dasar Wanita Negara dan pelaksanaan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual 2022.

- (ii) **Penyediaan ekosistem yang menyokong kepada wanita untuk terlibat dalam ekonomi** seperti penyediaan pusat penjagaan bersubsidi serta bantuan kewangan untuk membantu usahawan wanita seperti MyKasih Kapital dan 2 Year Exit Programme (2YEP) yang dilaksanakan oleh KPWKM; dan
- (iii) **Penyediaan akses kepada latihan dan pembangunan kapasiti (*upskilling dan reskilling*)** seperti program Wanita Bangkit serta program WeJana dan WeBridge).

**(C) SESI DISKUSI KHAS KASIH WANITA: EKONOMI MADANI**  
**MEMPERKASA WANITA**

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

13. Sesi Diskusi Khas KASIH Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita ini diadakan bagi menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman **Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat** tersebut yang telah

menetapkan supaya setiap kementerian akan mengumumkan ikhtiar-ikhtiar yang lebih khusus bagi memperkukuh inisiatif baharu Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat ini.

14. Oleh yang demikian, Sesi Diskusi Khas KASIH Wanita: Ekonomi MADANI Memperkasa Wanita ini akan memberi fokus untuk:

- (i) mengenal pasti hala tuju dalam memperkukuh sistem sokongan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh;
- (ii) meningkatkan kesedaran bagi mengarusperdanakan kesaksamaan gender dalam menyokong pembangunan ekonomi negara; dan
- (iii) meningkatkan jaringan sinergi dengan pelbagai pihak dalam usaha memperkasakan wanita.



## (D) PENUTUP

15. Suka saya ingatkan di sini bahawa usaha dan inisiatif ke arah meningkatkan potensi wanita dalam ekonomi ini **bukan merupakan peranan KPWKM sahaja** tetapi ia memerlukan **komitmen dan penglibatan sepenuhnya**, kerjasama strategik serta usaha daripada pelbagai pihak khususnya Kementerian dan Agensi Kerajaan yang lain.

16. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya agar diskusi ini akan dapat memberi manfaat dalam usaha kita semua untuk mencapai sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus dan seterusnya memperkasakan wanita di negara ini.
  
17. Pada hari ini juga, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang ke 66, dengan tema: Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.** Semoga semangat perpaduan

dan kebangsaan akan terus menyatukan kita sebagai satu negara bangsa yang berbilang kaum dan budaya.

18. Berbekalkan semangat patriotisme, marilah kita berusaha bersama untuk terus menyemarakkan keharmonian yang dikecapi selama ini demi negara yang tercinta dan sekaligus memartabat agenda untuk membina negara.
19. Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Isteri kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri di atas kesudian untuk merasmikan Sesi Diskusi Khas KASIH Wanita: Ekonomi Madani Memperkasa Wanita dan kepada semua yang hadir pada program petang ini.

20. Akhir kalam, suka saya kongsikan kata-kata hikmah ini untuk renungan bersama –

*"Women are leaders everywhere you look—from the CEO who runs a Fortune 500 company to the housewife who raises her children and heads her household. Our country was built*

*by strong women, and we will continue to break down walls and defy stereotypes." – Nancy Pelosi, First Woman to serve as US Speaker of the House of Representatives.*

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**29 Ogos 2023**